

20 FEB 1998

Mahathir-Tamak

JANGAN HANYA TAMAK KUASA DAN KEKAYAAN, KATA MAHATHIR

KOTA KINABALU, 20 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pemimpin dan rakyat agar tidak tamak dalam mengejar kuasa politik atau kekayaan ekonomi kerana akhirnya ini akan menyebabkan mereka tidak mendapat apa-apa.

Sebaliknya, beliau berkata semua pihak perlulah sedia berkongsi dan bukan membolot semua kuasa atau kekayaan untuk diri mereka sendiri kerana ini akan menyebabkan pihak lain tidak mendapat peluang yang sama dalam pembangunan negara.

"Dalam politik kita bekerjasama dan saling membantu kerana kita percaya dengan amalan bantu-membantu, kita akan mendapat bahagian yang lebih besar berbanding dengan apa yang kita dapat jika kita berjuang bersendirian," katanya di hadapan lebih 2,000 hadirin pada Konvensyen Barisan Nasional (BN) Sabah di Auditorium Besar, Yayasan Sabah di sini.

Perkara yang sama juga akan berlaku dalam soal ekonomi kerana walaupun seseorang mendapat seratus peratus daripada apa yang diinginkannya, ia pasti lebih kecil jika dibandingkan dengan hanya separuh yang dapat diperolehinya jika dia sedia berkongsi kekayaan ekonomi yang lebih besar, kata Pengerusi BN itu.

"Ini kerana dengan kesediaan untuk berkongsi, maka akan timbul keharmonian dalam negara dan dengan itu barulah kita dapat berusaha untuk memajukan lagi ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Sebab itu kita nak dalam BN ini, supaya kita membuat perhitungan, jangan ikut perasaan. Kalau kita ikut dan didorong oleh perasaan, maka tindakan itu tidak akan mendatangkan hasil," katanya.

Dr Mahathir berkata masyarakat juga akan hancur jika membiarkan diri dipengaruhi oleh perasaan dan sentimen semata-mata.

"Dalam urusan BN, kita tidak boleh ada pilih kasih. Kita utamakan perkara-perkara yang penting dalam menentukan sesuatu itu mencapai kejayaan.

"Tetapi kalau kita kata kepada diri kita bahawa 'walaupun ini akan menyebabkan kerajaan kita gagal tetapi saya nak juga orang saya,' dengan itu parti akan hancur," katanya.

Sebab itulah, kata beliau, BN ingin berlaku adil kepada semua parti dan semua kaum dalam BN. Ini tidak bermakna BN akan rugi kerana adalah lebih baik mendapat separuh daripada apa yang dikehendaki daripada tidak mendapatnya langsung.

"Kalau kita tidak adil kepada rakan-rakan dalam BN dan kaum-kaum di Malaysia maka sudah tentulah rakyat akan hilang kepercayaan kepada negara dan akan bermusuhan antara satu sama lain menyebabkan negara tidak akan aman lagi," kata beliau.

Bagaimanapun beliau berkata, kerajaan tidak mengambil jalan mudah untuk memberi keadilan semua sehingga menyerupai tindakan "Robin Hood" yang mengambil harta daripada orang kaya untuk diberikan kepada orang miskin.

Setiap individu mempunyai kebolehan masing-masing untuk memajukan diri dalam ekonomi dan kerana itu "kita tidak menghapuskan yang kaya ini, sebaliknya kita cuba menaikkan yang miskin supaya mereka juga dapat menjadi kaya."

Apa yang dilakukan di negara ini, kata beliau, ialah untuk mengangkat kedudukan yang miskin ke tahap yang lebih tinggi dan bukannya menurunkan taraf mereka yang kaya supaya sama dengan yang miskin.

Dr Mahathir berkata kerana itulah kerajaan memberi perhatian kepada

masyarakat Bumiputera yang jauh ketinggalan dengan cara memberi latihan dan peluang agar mereka dapat menjadi sama dengan yang sudah maju.

"Anggota perlu mengiktiraf bahawa BN dengan kerjasama yang utuh di dalamnya telah berjaya mengukuhkan kedudukan negara... tetapi kalaulah parti komponen BN ini tidak pentingkan keadilan untuk semua, maka akan berpecahlah BN dan hari ini mungkin kita terpaksa tunduk kepada kuasa-kuasa asing," katanya.

Tetapi kerana selama ini BN telah berlaku adil kepada semua pihak, maka negara ketika ini tidak perlu tunduk kepada kuasa-kuasa berkenaan, kata beliau.

Yang turut hadir dalam konvensyen sehari bertemakan "Keadilan Untuk Semua" ialah Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat yang akan membentangkan satu kertas kerja, Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam, pemimpin serta anggota komponen BN Sabah. -- BERNAMA

JS KG PR